



سكولہ تونكو عبد الرحمن
SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN
JALAN SULTAN AZLAN SHAH,
31400 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Kod. Sek : AEB2050
Telefon : 05-545 7733
Faks : 05-546 7000
E-mel : staripoh@yahoo.com
Laman web : www.staripoh.edu.my

Ruj.Kami : STAR 800/12/12 ()
Tarikh : 26 Disember 2018

Yang Berbahagia
Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,
Ibubapa / Penjaga Pelajar Tingkatan 1
Sesi Persekolahan 2019
Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh.

Yang Berbahagia
Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Assalamualaikum WBT,

**SESI PENDAFTARAN PELAJAR TINGKATAN 1 TAHUN 2019
SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN, IPOH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sesi pendaftaran pelajar Tingkatan 1 Tahun 2019 akan diadakan seperti maklumat di bawah:-

2.1 Sesi Pendaftaran Pelajar Tingkatan 1 2019.

Sesi Pendaftaran pelajar Tingkatan 1 2019 akan diadakan seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 08 Januari 2019 (Selasa)
Masa Pendaftaran : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari
Tempat : Dewan STAR

2.2 Pakaian Pada Hari Pendaftaran

Pakaian pada hari pendaftaran ialah Baju Uniform Sekolah (Kemeja sekolah putih dan seluar sekolah putih) dan Kasut kulit hitam.

2.3 Bayaran Yuran Asrama, Yuran SUWA Dan Sumbangan PIBG Tahun 2019

2.3.1 Kaunter untuk bayaran yuran akan dibuka mengikut kelas masing-masing. Ibu bapa/penjaga bolehlah membuat bayaran pada hari pendaftaran tersebut.

2.3.2 Kadar Yuran Asrama dan Sumbangan PIBG 2019 yang ditetapkan bolehlah dirujuk pada Lampiran A.

2.3.3 Ibu bapa/penjaga dicadangkan membuat bayaran secara tunai.

2.3.4 Bayaran secara kiriman wang/wang pos/bank draft/cek dan online tidak dibenarkan.

2.3.5 Tarikh akhir pembayaran yuran adalah pada bulan **September 2019**.

2.4 Keperluan Harian Pelajar

Pihak kami memohon kerjasama daripada ibu bapa / penjaga agar dapat melengkapkan keperluan anak masing-masing mengikut keperluan dengan secukupnya. Pihak kami percaya keperluan secukupnya kepada anak masing-masing akan dapat mengelakkan dari kejadian mengambil hak pelajar lain.

Bersama-sama ini disertakan senarai semak (minimum), *Lampiran B* - keperluan pelajar untuk tindakan **Datuk Seri/ Datin Seri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan**. Pelajar diwajibkan melekatkan *Lampiran C* dan *Lampiran D* di dalam almari masing-masing.

2.5 Borang Keselamatan dan Surat Aku Janji

Sila bawa bersama-sama **Borang Keselamatan** (*Lampiran E*) dan **Surat Aku Janji** (*Lampiran F*) dan menyerahkan dokumen tersebut pada sesi pendaftaran.

2.6 Telegram Sebagai Medium Komunikasi Elektronik Rasmi Sekolah

Pihak sekolah menggunakan Telegram sebagai medium komunikasi elektronik rasmi sekolah. Dengan ini sebarang maklumat dan informasi terkini tentang pembelajaran dan pembangunan anak-anak Tuan/Puan, aktiviti Sekolah dan aktiviti PIBG akan dihantar terus ke telefon pintar melalui 'push notification'. Perkara ini juga dapat mengurangkan kos kertas dan surat-menyurat yang semakin tinggi. Sehubungan dengan itu, **Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/ Tuan / Puan** yang masih belum memuat turun Telegram disarankan untuk berbuat demikian secepat mungkin agar tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat terkini daripada pihak sekolah. Pihak sekolah juga boleh berhubung terus dengan ibu bapa sekiranya berlaku sebarang kecemasan berkaitan anak-anak semasa di sekolah. **Telegram** boleh dimuat turun secara **PERCUMA** di Google Play Store (untuk Android) dan Apple Store (untuk iPhone/iPad) dengan kata carian **Telegram**. Kata carian nama sekolah di aplikasi Telegram ialah **SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN**.

2.7. Wang Saku Pelajar

Para pelajar **tidak digalakkan** menyimpan wang tunai dalam jumlah yang besar pada sesuatu masa (kadar **melebihi RM20.00**). Kadaan ini adalah untuk mengelakkan daripada kecuaiian atau kehilangan. Para pelajar telah dimaklumkan bahawa wang yang berjumlah besar diserahkan oleh warden atau guru penasihat untuk keselamatan. Malahan, pihak sekolah juga telah menyediakan perkhidmatan mesin **ATM CIMB Bank** di pintu pagar utama sekolah dan perkhidmatan **Bank BSN** di Koperasi STAR. Pelajar digalakkan mempunyai kad ATM masing-masing untuk kemudahan pengeluaran wang pada kadar **minimum RM10.00**.

2.8. Penggunaan Barang Terlarang

Penggunaan barang terlarang oleh para pelajar tidak dibenarkan sama sekali. Pihak kami amat berharap agar para ibu bapa dapat mengambil perhatian yang serius bagi memastikan barang terlarang tidak dibawa bersama ke sekolah. Pihak sekolah berhak untuk merampasnya serta tidak akan dikembalikan. Senarai barangan larangan seperti di *Lampiran J*. Pelajar dilarang membawa telefon bimbit di sekolah selaras dengan Pekeliling daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.


3. Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Shahnun bin Abdul Ghani No. h/p : 012-5840503, Encik Mohd Faris bin Ahmad No. h/p : 013-5919080 / 013-4507074, Puan Nor Hasliza binti Abdul Hamid No. h/p : 012-5662769, Puan Mastura binti Suhaimi No. h/p : 012-5472134 (Bendahari PIBG), Puan Mardiyana binti Sulaiman No. h/p : 012-5783287 (Yuran Makan/Asrama) Puan Norine binti Hassan (Yuran SUWA) No. h.p : 019-9320694 dan Puan Salwa binti Mahayudin (Koperasi) No. H.p 019-5560161.

Komitmen Datuk Seri/Datin Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ABDUL HASHIM BIN ABDUL KARIM, P.M.P., A.M.N., A.M.P.)
Pengetua Cemerlang
Sekolah Tuanku Abdul Rahman
IPOH.

Nota : Lampiran B, C, D, E, F, G, H, I dan J sila download di laman web www.staripoh.edu.my dan perlu dibawa semasa pendaftaran.



SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN
Jalan Sultan Azlan Shah, 31400 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

BAYARAN YURAN TAHUN 2019

BAHAGIAN A - KUTIPAN BAYARAN ASRAMA

A. Kategori A – Pelajar Projek Khas

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Jumlah
1.	Yuran Makan Asrama	
2.	Dobi	RM165.00
	Jumlah Besar	RM165.00

B. Kategori B - (Ibu bapa/ Penjaga berpendapatan RM4999.00 sebulan dan ke bawah)

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Jumlah
1	Yuran Makan Asrama	RM250.00
2	Dobi	RM165.00
	Jumlah Besar	RM415.00

C. Kategori C - (Ibu bapa/ Penjaga berpendapatan RM5000.00 sebulan dan ke atas)

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Jumlah
1	Yuran Makan Asrama	RM750.00
2	Dobi	RM165.00
	Jumlah Besar	RM915.00

BAHAGIAN B – YURAN SUWA

BIL	Tajuk/Jenis Kutipan	Jumlah
1	Majalah Sekolah	RM12.00
	Jumlah	RM12.00

BAHAGIAN C – SUMBANGAN PIBG TAHUN 2019

A. Kategori A - (Ibu bapa/ Penjaga berpendapatan RM4999.00 sebulan dan ke bawah)

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Jumlah
1	Sumbangan Asas	RM 110.00
2	Kecemerlangan Akademik	RM 50.00
3	Kokurikulum	RM 10.00
4	ICT	RM 10.00
5	Pembangunan Sahsiah, Fardhu Ain	RM 23.00
6	Bayaran Setem dan Sampul Surat untuk Keputusan Peperiksaan dan Pendaftaran Pelajar	RM 5.00
	Jumlah Besar	RM208.00

B. Kategori B - (Ibu bapa/ Penjaga berpendapatan RM5000.00 sebulan dan ke atas)

Bil	Tajuk/Jenis Kutipan	Jumlah
1	Sumbangan Asas	RM110.00
2	Kecemerlangan Akademik	RM100.00
3	Kokurikulum	RM10.00
4	ICT	RM10.00
5	Pembangunan Sahsiah, Fardhu Ain	RM23.00
6	Bayaran Setem dan Sampul Surat untuk Keputusan Peperiksaan dan Pendaftaran Pelajar	RM5.00
	Jumlah Besar	RM258.00

BAHAGIAN D – PAKEJ KEPERLUAN SEKOLAH YANG PERLU DIBELI DI KOPERASI

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA (RM)
1	Baju Korporat	1 helai	56.00
2	T-shirt Rasmi	1 helai	34.00
3	T-shirt Pendidikan Jasmani	1 helai	34.00
4	T-shirt Rumah Sukan	1 helai	34.00
5	Sampin	1 helai	40.00
6	Tali Leher	1 unit	22.00
7	Klip Tali Leher	1 unit	6.00
8	Lencana	2 unit	6.00
9	Cadar & Sarung Bantal (cop sekolah)	2 pasang	56.00
10	Kain Selimut (cop sekolah)	1 helai	37.00
11	Tanda Nama (Name Tag)	1 unit	5.00
12	Set Buku Tulis	1 set	25.00
13	Buku Peraturan Sekolah	1 unit	15.00
Jumlah Besar			RM 370.00